

23 JUN 1996

Abdullah - Iran

KELEMBAPAN PELAKSANAAN MOU DENGAN IRAN TIADA KAITAN ISU SYIAH

KEPALA BATAS, 23 (Bernama) -- Kelembapan pelaksanaan projek usahasama yang dipersetujui melalui Perjanjian Persefahaman antara usahawan Malaysia dan Iran tiada ada kaitan dengan isu Syiah, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata isu Syiah yang ditangani oleh kerajaan ialah isu dalam negeri dan bukan isu antarabangsa yang menjejaskan hubungan baik antara Malaysia dan Iran kerana hubungan antara kedua-dua negara masih kuat.

"Saya tidak pasti apakah masalah yang dihadapi oleh usahawan Malaysia tetapi akan membawa perkara itu ke mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Iran tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Umno Cawangan Bertam di sini.

Beliau diminta mengulas kelembapan pelaksanaan beberapa projek usahasama yang ditandatangani usahawan Malaysia dan Iran selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu pada April, 1993.

Pelaksanaan MOU yang menghadapi masalah ialah antara Ekran Berhad dan Pihak Berkuasa Kawasan Perdagangan Bebas Qeshm (QFTAA) bagi melaksanakan projek hotel di kepulauan Qeshm.

Seorang diplomat Iran dilaporkan berkata, kelembapan pelaksanaan projek-projek berkenaan disebabkan kerenah birokrasi negara itu yang menimbulkan masalah kepada pengusaha Malaysia.

Abdullah berkata, beliau akan mendapatkan maklumat terperinci daripada pengusaha terbabit atau daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beliau berkata, isu Syiah tidak menghalang usaha untuk meningkatkan kerjasama antara Malaysia dan Iran kerana kedua-dua negara saling sokong menyokong dalam isu-isu antarabangsa khususnya berkaitan kepentingan umat Islam.

Mengenai tindakan Parti Demokratik Serb (SDG) yang mencalonkan pemimpinnya, Radovan Karadzic bertanding dalam pilihan raya presiden Republik Srpska, Abdullah berkata, sekiranya puak Serb masih mengenenepikan keputusan Perjanjian Dayton, mereka "sengaja mencari pasal".

"Puak berkenaan mesti memahami Perjanjian Dayton yang menegaskan bahawa mereka yang dituduh di Mahkamah Antarabangsa sebagai penjenayah perang tidak boleh mengambil bahagian dalam pilihan raya," katanya.

"Karadzic tidak perlu dibenarkan menyertai pilihan raya dan isu itu telah jelas dibincangkan, malah kita berharap pihak ketiga mematuhi supaya tidak menimbulkan masalah kepada pilihan raya itu kelak," kata beliau. -- BERNAMA

SA FAZ